

27 AUG 2000

Akar-Penggiliran

PENGGILIRAN DUA TAHUN TIDAK MEMADAI, KATA PRESIDEN AKAR

KUALA LUMPUR, 27 Ogos (Bernama) -- Presiden Angkatan Keadilan Rakyat (Akar) Datuk Pandikar Amin Mulia mengulangi pendirian partinya bahawa tempoh penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah selama dua tahun adalah tidak memadai dan patut ditambah mungkin kepada lima tahun.

"Penggiliran dua tahun sekali itu untuk seorang Ketua Menteri atau seorang pentadbir syarikat besar adalah tidak memadai, apatah lagi untuk mentadbir dengan begitu baik," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Larian Bendera Jalur Gemilang peringkat Parlimen Bukit Bintang di sini.

Pandikar Amin yang juga menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata, resolusi mengenai perkara itu telahpun dibuat beberapa tahun lepas ketika beliau masih lagi timbalan kepada Presiden Akar Datuk Mark Koding.

"Saya masih ingat ada satu resolusi dibuat dalam satu mesyuarat agung Akar dulu bahawa penggiliran ketua menteri itu kalau boleh dilakukan lima tahun sekali," katanya.

Bagaimanapun, katanya, Akar akan mengadakan satu kongres bagi perwakilannya pada pertengahan Oktober depan untuk mendapatkan resolusi terbaru parti tersebut.

"Setakat ini, pendapat kita tentang tempoh penggiliran ketua menteri itu adalah sama seperti dulu. Saya belum pasti pendirian terbaru terutama di peringkat akar umbi. Mungkin ada pendapat lain daripada perwakilan," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang ditanya mengenai isu itu ketika melawat Sabah pada Julai lepas berkata terpulang pada rakyat Sabah sama ada mahu meneruskan sistem penggiliran selama dua tahun bagi jawatan ketua menteri negeri itu atau sebaliknya.

Katanya, beliau juga bersedia menerima kehendak rakyat berhubung perkara itu.

Menurut sistem tersebut, seorang pemimpin daripada tiga kaum utama di Sabah iaitu Bumiputera Islam, Cina dan Bumiputera bukan Islam akan dilantik sebagai ketua menteri bagi tempoh dua tahun secara bergilir-gilir.

-- BERNAMA

NHA ES RI